





KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK
MALAYSIA
MERLIMAU



JABATAN PENGAJIAN AM



GERITERA INSPENA

EDISI 2024

PENULISAN ILMIAH DAN KARYA
KREATIF

CERITERA INSPIENA

CERITERA INSPIRASI
JABATAN PENGAJIAN AM
2024



JABATAN PENGAJIAN AM
POLITEKNIK MERLIMAU

Penulisan Ilmiah dan Karya Kreatif

Edisi pertama 2024
©Politeknik Merlimau Melaka

Diterbitkan Tahun 2025

Hak Cipta Terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau dengan apa jua alat pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada penerbit.

Diterbitkan oleh:
POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA,
KM2.5, JALAN MERLIMAU-JASIN
77300 MERLIMAU,
MELAKA

Tel: 06-263 6687
Fax: 06-2636678
Website: www.pmm.mypolycc.edu.my



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

eISBN 978-629-7737-19-5

SIDANG REDAKSI

Penaung

Lt. Kol. Norizam bin Sekak A.M.N.P.K.
(Pengarah PMM)

Pengerusi

Faridatuljana binti Mohd Noor
(Timbalan Pengarah Akademik)

Naib Pengerusi

Mohd Faisal bin Ahmad
(Ketua Jabatan Pengajian Am)

Ketua Penulis

Nur Farhana binti Misno

Editor

Noor Syahrina Azween binti Md Saru
Nor Fazila binti Shamsuddin
Suresh Kumar A/L Chellapan

Rekagrafik

Rosheela binti Muhammad Thangaveloo
Sharifah Nur binti Abu

Penulis

Nur Farhana binti Misno
Nor Fazila binti Shamsuddin
Noor Syahrina Azween binti Md. Saru
Rosheela binti Mohd Thangaveloo
Ida Sariani binti Mohd. Isa
Munirah binti Mustaffa
Yeo Li Min
Nur Atiqah binti Roslan

Sharifah Nur binti Abu
Mohd Haikal 'Akashah bin Md Nor
Rozaina binti Abd. Latif
Nurul Nadiha binti Kassim
Suriati binti Barning
Shahrizah binti Husin
Farahaniza binti Jaafar



Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Hormat.

Syukur ke hadrat Ilahi atas limpah kurnia-Nya, Jabatan Pengajian Am (JPA) berjaya menerbitkan **Ceritera InsPenA** pada tahun ini. Naskhah ini bukan sekadar himpunan kisah, tetapi refleksi usaha gigih, dedikasi, dan semangat berpasukan dalam melaksanakan pelbagai program serta aktiviti yang memberikan inspirasi dan penghargaan kepada pegawai yang terlibat.

Selaras dengan peranan utama Jabatan Pengajian Am yang merangkumi Unit Bahasa Inggeris dan Unit Pendidikan Islam, penerbitan ini memperlihatkan kesungguhan jabatan dalam mengadaptasi arus globalisasi, liberalisasi ekonomi serta ledakan teknologi maklumat dan komunikasi yang semakin pesat berkembang dalam dunia industri.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada seluruh ahli jawatankuasa yang telah berusaha gigih dalam menjayakan penerbitan ini. Semoga usaha ini menjadi pemangkin kecemerlangan, meningkatkan produktiviti, serta memperkuuh keberkesanan kerja dalam jabatan. Tahniah! Anda semua luar biasa!

Sekian, terima kasih

NORIZAM BIN SEKAK A.M.N., P.K.

Pengarah
Politeknik Merlimau Melaka



Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Hormat.

Terdahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran kehadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya Jabatan Pengajian Am (JPA) telah berjaya menerbitkan **Ceritera InsPenA** pada tahun ini. Kisah-kisah yang dikongsikan adalah kisah rujukan berkaitan program mahupun aktiviti-aktiviti yang telah dilaksakan dalam satu pasukan yang mampu memberikan inspirasi serta penghargaan kepada pegawai-pegawai yang terlibat. Selaras dengan fungsi Jabatan Pengajian Am yang terdiri daripada dua unit utama, iaitu Unit Bahasa Inggeris dan Unit Pendidikan Islam, segala maklumat yang dipaparkan dapat memberi gambaran bahawa peranan jabatan adalah seiring dengan perkembangan globalisasi, liberalisasi ekonomi, ledakan teknologi maklumat dan komunikasi yang kian dominan dalam industri masa kini. Oleh yang demikian, jutaan terima kasih saya ucapkan kepada seluruh ahli jawatankuasa yang terlibat. Diharapkan agar penerbitan penulisan ilmiah dan karya kreatif ini dapat membantu meningkatkan produktiviti serta kelancaran kerja dalam Jabatan Pengajian Am. Tahniah, anda semua hebat!

Sekian, terima kasih

FARIDATULJANA BINTI MOHD NOOR
Timbalan Pengarah Akademik
Politeknik Merlimau Melaka



Tentu Ketua Jabatan Pengajian Am

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Syukur ke hadrat Ilahi atas penerbitan **Ceritera InsPenA**, sebuah dokumentasi kisah kejayaan pensyarah Jabatan Pengajian Am (JPA) yang merangkumi Unit Pendidikan Islam dan Unit Bahasa Inggeris. **Ceritera InsPenA** menghimpunkan pencapaian dalam bidang akademik, inovasi, penyelidikan, serta program pembangunan pelajar yang mencerminkan dedikasi tinggi para pendidik.

Sebagai sebahagian daripada tunjang akademik, pensyarah JPA bukan sahaja bertanggungjawab dalam penyampaian ilmu, tetapi juga dalam membimbing pelajar untuk membentuk sahsiah unggul dan pemikiran kritis. Setiap kisah dalam **Ceritera InsPenA** membuktikan bahawa usaha yang konsisten dan penuh keikhlasan mampu membawa kepada kejayaan dan perubahan dalam diri pensyarah dan pelajar.

Saya ingin mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada semua pensyarah JPA yang telah menyumbang kepada penerbitan **Ceritera InsPenA**. Semoga ia menjadi sumber inspirasi kepada rakan pendidik dan generasi akan datang untuk terus berinovasi serta mencipta lebih banyak kejayaan.

Sekian, terima kasih.

MOHAMAD FAISAL BIN AHMAD

Ketua Jabatan Pengajian Am
Politeknik Merlimau Melaka

Isi Kandungan

Ceritera 1: Inspirasi Ilmiah dan Kreatif - Program Pelajar JPA	1
Ceritera 2: Inspirasi Ilmiah dan Kreatif - Bahan Digital Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) JPA	13
Ceritera 3: Inspirasi Ilmiah - Penyelidikan, Penerbitan, dan Pembentangan JPA	17
Ceritera 4: Inspirasi Ilmiah dan Kreatif - Produk Inovasi.....	26
Ceritera 5: Inspirasi Ilmiah - Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) JPA	34
Ceritera 6: Inspirasi Ilmiah dan Kreatif - Program JPA bersama Agensi/ Masyarakat / Umum.....	38
Ceritera 7: Inspirasi Ilmiah dan Kreatif - Program Dalaman Pensyarah dan Staf JPA	42
Ceritera 8: Sumber Inspirasi - Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2024.....	46
Ceritera 9: Inspirasi Kreatif - Coretan JPA	48

Ceritera 1

INSPIRASI ILMIAH DAN KREATIF

PROGRAM PELAJAR JPA


WEBINAR COMMUNICATIVE ENGLISH 2 (DUE30022) CRASH COURSE: THE ELEMENT OF ine3PRO IN POWERFUL PRODUCT PITCHING.

Unit Bahasa Inggeris, Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau (PMM) terus memperkuatkkan penguasaan Bahasa Inggeris dalam elemen keusahawanan dengan menganjurkan Webinar Communicative English 2 (DUE30022) Crash Course: *The Element of ine3PRO In Powerful Product Pitching* secara dalam talian pada 11 Oktober 2024.

Webinar ini dianjurkan bagi memberikan pendedahan tentang proses penghasilan ‘product pitching’ berpandukan kriteria asas penilaian *Oral Presentation* dalam subjek *Communicative English 2 (DUE30022)* yang disematkan bersama elemen keusahawanan (*embedded*). Para peserta juga diperkenalkan dengan kaedah terbaik penghasilan ‘video pitching’ yang berkualiti menerusi amalan inovasi pembentangan produk secara berstruktur ine3PRO (*structured product pitching*).

Webinar ini telah dihadiri seramai 538 orang peserta termasuk pensyarah dan para pelajar daripada Politeknik Merlimau, Politeknik Melaka, Politeknik Nilai, dan Politeknik Ibrahim Sultan. Sesi perkongsian ilmu ini telah disampaikan oleh Puan Nur Farhana Binti Misno, pensyarah Bahasa Inggeris PMM selaku ketua kumpulan bagi kumpulan inovasi ine3PRO yang dianggotai bersama Puan Noor Syahrina Azween Binti Md Saru serta Puan Nurul Nadiha Binti Kassim. Program ini juga telah dibantu oleh ahli jawatankuasa pelajar yang dilantik seramai 6 orang di kalangan pelajar-pelajar DKA3A.


Tahniah diucapkan kepada seluruh ahli jawatankuasa atas penganjuran program yang penuh manfaat ini. Teruskan kecemerlangan untuk memastikan program sebegini sentiasa menjadi agenda utama dalam menambah baik penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan bakal graduan TVET politeknik masa hadapan.



PROGRAM CREATING VISUME: GIVE YOUR BEST SHOT USING CAPCUT VIDEO EDITOR.

Unit Bahasa Inggeris, Jabatan Pengajian Am telah mengorak langkah ke hadapan dalam meningkatkan mutu penghasilan resume berimpak tinggi (CLO2) bagi para pelajar yang mengambil Kursus *Communicative English 3 (DUE50032)* di Politeknik Merlimau dengan menganjurkan program *Creating Visume: Give Your Best Shot Using CapCut Video Editor*. Program yang berlangsung selama sebulan ini mempunyai TIGA fasa berbeza, bermula dengan penganjuran *Webinar Creating Visume: Give Your Best Shot Using CapCut Video Editor* pada 28 Mac 2024.

Seorang penceramah pakar daripada Kolej Komuniti Bandar Penawar Cawangan Gelang Patah, Puan Norhafiza Binti Ahmad, telah dijemput bagi memberikan pendedahan tentang penghasilan Visume berimpak tinggi menggunakan aplikasi mudah *CapCut*. Seramai 372 orang peserta telah menyertai webinar tersebut, dibantu oleh 6 orang pelajar DHF3A sebagai ahli jawatankuasa pelaksana webinar berkenaan.



Seterusnya, pelajar diberikan peluang untuk menyertai fasa penghasilan *Visume* berimpak tinggi untuk dipertandingkan. 22 orang pelajar Politeknik Merlimau telah menyahut cabaran dan menghantar penyertaan masing-masing. Seramai empat orang juri profesional di kalangan pensyarah bidang daripada Politeknik Ibrahim Sultan, Politeknik Port Dickson, Kolej Komuniti Kota Melaka serta Kolej Komuniti Bandar Penawar Cawangan Gelang Patah telah dilantik sebagai juri pertandingan.

Pertandingan dan penilaian *Visume* ini berlangsung sehingga 6 Mei 2024 bagi memilih *Visume* yang terbaik di kalangan yang terbaik. Tahniah diucapkan kepada para pemenang berikut:

Kategori Teknikal

Tempat Pertama: Nur Farahida Binti Kamarul Zaman.
Tempat Kedua: Muhammad Muhamimin bin Muhamad Hilmi.

Tempat Ketiga: Melissa Josephine Chin


Kategori Bukan Teknikal

Tempat Pertama: Nur Aina Najwa binti Jailani, Nur Alyaa Maisarah binti Yusof dan Siti Husniyah binti Ismail

Tempat Kedua: Nurul Zahrah Binti Mohd Idi Noor

Tempat Ketiga: Ainul Mardhiah Binti Zulkarni

Jutaan tahniah serta terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa yang terlibat.



DARE TO SPEAK COMPETITION


Unit Bahasa, Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau (PMM) terus memperkuuhkan penguasaan Bahasa Inggeris dengan menganjurkan program *DARE TO SPEAK COMPETITION* yang mana ia merupakan satu pertandingan yang dijalankan bagi menggalakkan para pelajar untuk mengembangkan keyakinan diri dalam pertuturan menggunakan Bahasa Inggeris di luar bilik kuliah. Pertandingan ini telah dirancang dan disediakan bagi memberi peluang para peserta terlibat untuk menzahirkan idea kritis and kreatif mereka melalui penghasilan video pendek yang bertemakan *value* yang mana sub-topik ini diajar bagi Topik 2 bagi subjek *Communicative English 1:DUE10112*. Pertandingan ini telah dihadiri oleh seramai 130 orang peserta terdiri daripada pelajar semester 1. Melalui pertandingan ini, para pelajar didedahkan dengan cara-cara menghasilkan video pendek yang menarik oleh penceramah yang juga merupakan Pensyarah Jabatan Pengajian Am, Puan Nor Fazila binti Shamsuddin. Para pelajar terlibat telah berjaya menghasilkan 24 video pendek bertemakan *value*. Video-video pendek yang dihasilkan oleh para peserta telah dinilai oleh juri-juri hebat iaitu Puan Nur Farhana binti Misno, Puan Rosheela binti Muhammad Thangaveloo, Puan Maisarah binti Abdul Latif dan Puan Norafidah binti Hj Abdullah.



Program ini dibahagikan kepada 2 kategori iaitu kategori Teknikal dan Bukan Teknikal. Keputusan keseluruhan menyaksikan persaingan sengit antara kesemua peserta daripada kedua-dua kategori pertandingan. Tempat Pertama bagi kategori Teknikal dirangkul oleh pelajar DGU1A melalui video pendek mereka bertajuk *Attitude* manakala kategori Bukan Teknikal digondol oleh pelajar dariapada kelas DHM1A dengan video pendek bertajuk *The Story Of Zulaika*. Pemenang membawa pulang hadiah berupa wang tunai berjumlah RM200 dan sijil.

Keseluruhan, program ini telah membolehkan para pelajar bekerjasama dengan baik dalam satu kumpulan yang mana penguasaan dan minat terhadap Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar terlibat melalui aktiviti yang dijalankan menjadi lebih baik.

Tahniah diucapkan kepada seluruh ahli jawatankuasa atas penganjuran program yang penuh manfaat ini. Teruskan kecemerlangan untuk memastikan program sebegini sentiasa menjadi agenda utama dalam menambah baik penguasaan Bahasa Inggeris dikalangan bakal graduan TVET politeknik masa hadapan.



BENGKEL FALAK SYARIE 2024

Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am telah mengorak langkah ke hadapan dalam menimba ilmu berkaitan subjek Sains Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam (MPU23052) di Politeknik Merlimau dengan menganjurkan program bengkel Falak Syarie 2024.

Bengkel telah disampaikan oleh Ustaz Muhammad Saifullah bin Dimyati, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Pejabat Mufti Negeri Melaka. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memupuk nilai kemanusiaan serta memperkasakan ilmu falak syarie yang pernah dikuasai oleh umat Islam dalam sejarah ketamadunan dunia suatu masa dahulu.

Seramai 100 orang pelajar PMM terlibat dan mendapat manfaat melalui bengkel ini, Sesunguhnya, mempelajari fakta-fakta saintifik melalui ayat Al-Quran adalah suatu ilmu penting sebagai memenuhi tuntutan fardhu kifayah. Sunnatullah yang berkait rapat dengan pergerakan cakerawala seperti bumi, bulan, matahari dan bintang ini wajar dipelajari dengan lebih mendalam bagi meningkatkan keimanan kepada Allah serta menambahkan usaha dalam melindungi alam sekitar daripada kemusnahan akibat tangan-tangan manusia sendiri.

Jutaan tahniah serta terima kasih kepada semua pensyarah dan pelajar yang terlibat.



PROGRAM SAYANGI DIRI, JAUHI ZINA

Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am telah menganjurkan program kesedaran ini bagi memperkuuhkan pemahaman pelajar TVET mengenai bahaya zina serta kepentingan menjaga maruah diri mengikut ajaran Islam. Seramai 123 orang pelajar semester 2 telah turut serta dalam program ini.

Aktiviti utama adalah ceramah motivasi yang telah disampaikan oleh Encik Zabri bin Kamarudin, Ketua Unit Pengurusan Psikologi PMM. Antara aktiviti lain, pelajar perlu menjawab soalan pengukuhan dalam bentuk quiziz dan soalan kesihatan psikologi serta kecenderungan pelajar terhadap aktiviti seks yang disediakan oleh penceramah.

Dalam program ini juga, pelajar didedahkan kepada implikasi sosial dan agama serta strategi mengelakkan godaan kepada zina. Dengan adanya program sebegini, diharapkan pelajar TVET bukan sahaja dapat membina masa depan yang lebih cemerlang dalam bidang kemahiran mereka, tetapi juga menjadi individu yang berakhhlak mulia, bertanggungjawab, dan mematuhi tuntutan agama.

Jutaan tahniah serta terima kasih kepada semua pensyarah dan pelajar yang terlibat.



Sex Bebas “HARAM”



Say “NO” to “ZINA”



PROGRAM THE POWER OF DU'A

Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau (PMM) terus memperkuuhkan penguasaan bacaan doa dalam elemen Kemahiran Interpersonal dan Pembelajaran Sepanjang Hayat dengan menganjurkan Program *The Power of Du'a* secara bersemuka.

Tujuan Penganjuran Program adalah bagi mencapai 4 objektif utama iaitu:

- i) Melaksanakan dengan yakin amalan Islam dalam kehidupan seharian. Bagi memenuhi CLO 1 kursus MPU23052, MPU23012, MPU23072 dan FU20032.
- ii) Membudayakan bacaan doa oleh pelajar dalam program-program dan majlis-majlis pelajar di Politeknik Merlimau Melaka.
- iii) Melatih pelajar berkomunikasi dengan lebih mantap dan berkesan melalui bacaan doa.
- iv) Memberi peluang kepada pelajar menggunakan pemikiran secara kreatif dan kritis dalam menyelesaikan masalah.

Program ini telah dihadiri seramai 50 orang pelajar Politeknik Merlimau Melaka yang terdiri daripada 19 orang peserta bacaan doa dan 31 orang penonton. Program ini dimulai dengan sesi perkongsian ilmu berkenaan kelebihan bacaan doa yang telah disampaikan oleh Ustaz Mohd Lokman bin Ahmad dan Ustazah Suriati binti Barning, pensyarah Pendidikan Islam PMM selaku penceramah dan pelatih. Program ini juga telah dibantu oleh Ahli Jawatankuasa Pembangunan Modal Insan yang terdiri daripada 8 orang pensyarah PMM pelbagai jabatan dan unit. Aniq Nazhan bin Aris pelajar DET3A telah dinobatkan sebagai pembaca doa terbaik dalam program tersebut. Hadiah telah disampaikan oleh Timbalan Sokongan Akademik PMM.

Tahniah diucapkan kepada seluruh ahli jawatankuasa atas penganjuran program yang penuh manfaat ini. Teruskan kecemerlangan untuk memastikan program sebegini sentiasa menjadi agenda utama dalam menambah baik penguasaan bacaan doa awalan kelas, doa majlis rasmi PMM, doa mesyuarat rasmi PMM, doa pagi PMM dan doa peperiksaan akhir PMM dikalangan bakal graduan TVET politeknik masa hadapan.



PROJEK KERJA AMAL KEMPEN AMAR MAKRUF NAHI MUNGKAR

Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau (PMM) terus mengukuhkan lagi penerapan nilai prinsip moral dalam diri pelajar, dengan menganjurkan projek kerja amal menerusi Kempen Amar Makruf Nahi Mungkar. Sasaran utama kempen ini adalah seluruh warga kampus termasuk warga kerja dan pendidik.

Projek Kerja Amal ini dilaksanakan oleh 30 orang pelajar yang terdiri daripada kalangan pelajar DPR1C yang mengambil Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. Tujuan utama projek pelajar ini dijalankan ialah untuk memberi maklumat tentang tingkah laku yang salah serta perkara-perkara yang menyalahi norma kehidupan masyarakat. Secara tidak langsung ia dapat membantu mengurangkan masalah gejala sosial di kalangan pelajar. Antara kempen yang dijalankan adalah jauhi zina, ponteng kelas, larangan minum arak, bahaya pengambilan vape dan rokok, *LGBT*, lesbian serta galakan hidup secara sihat.

Selain dari berkempen, pemberian penanda buku atau *flyers* yang mengandungi kata-kata nasihat juga disediakan. Projek ini mempunyai nilai tambah baik dengan melatih pelajar untuk berkomunikasi secara baik dan profesional serta berani dalam menyampaikan nasihat dan teguran di khalayak ramai. Projek kerja amal ini diselia sepenuhnya oleh Puan Hjh. Munirah Binti Haji Mustaffa selaku pensyarah kursus Penghayatan Etika dan Peradaban.

Tahniah diucapkan kepada seluruh ahli jawatankuasa atas penganjuran projek kerja amal yang penuh manfaat ini. Teruskan kecemerlangan untuk memastikan program sebegini sentiasa menjadi agenda utama dalam menambah baik penguasaan dikalangan bakal graduan TVET politeknik masa hadapan.




PROJEK KERJA AMAL GOTONG-ROYONG PUSAT ISLAM

Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau (PMM) terus mengukuhkan lagi penerapan nilai-nilai murni dalam diri pelajar, dengan menganjurkan projek kerja amal menerusi gotong royong di Pusat Islam An-Nur.

Projek Kerja Amal ini dilaksanakan oleh 37 orang pelajar yang terdiri daripada kalangan pelajar DHM1A yang mengambil Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. Objektif utama projek ini ialah menyemai rasa tanggungjawab dalam diri pelajar dengan menjaga dan memelihara kemudahan awam yang telah disediakan oleh pihak institusi. Khidmat yang diberikan oleh pelajar, mampu menerapkan nilai-nilai murni dalam diri pelajar selari dengan Visi dan Misi politeknik. Projek ini diselia sepenuhnya oleh Puan Hjh. Munirah Binti Haji Mustaffa selaku pensyarah bagi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban.

Tahniah diucapkan kepada seluruh ahli jawatankuasa atas penganjuran projek kerja amal yang penuh manfaat ini. Teruskan kecemerlangan untuk memastikan program sebegini sentiasa menjadi agenda utama dalam menambah baik penguasaan dikalangan bakal graduan TVET politeknik masa hadapan.



PERTANDINGAN DEBAT DAN PIDATO BAHASA MELAYU PIALA KETUA PENGARAH JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (JPPKK) TAHUN 2024


Politeknik Merlimau Melaka telah mengatur langkah lebih jauh dalam mencungkil bakat para pelajar berdebat dan berpidato dengan menyertai Pertandingan Debat dan Pidato Bahasa Melayu Piala Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) bagi tahun 2024 bertempat di Politeknik Besut, Terengganu.

Pertandingan ini melibatkan pesaingan sebanyak 30 buah pasukan warga Politeknik dan Kolej Komuniti (POLYCC) dengan PMM diwakili oleh pelajar-pelajar:

Muhammad Akmal Hakim Bin Mohd Rizal, Ummar Wafir Bin Ulil Aidi, Nur Atiqah Binti Jamali dan Muhammad Khair Hazeem Bin Khairul Azhar.

Hasilnya, pasukan debat PMM telah berjaya merangkul Anugerah Pasukan Berkarisma serta salah seorang pendebat PMM, Muhammad Akmal Hakim Bin Mohd Rizal, telah dinobatkan sebagai Pendebat Kedua Terbaik Liga secara keseluruhan. Hadiah bagi para pemenang telah disampaikan oleh Presiden Alumni Debat Malaysia, En. Norhalis bin Mohamed Noor dan Pengarah Politeknik Besut, En. Udom a/l Ewon.

Politeknik Merlimau Melaka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan di atas penyertaan pelajar-pelajar dan juga jurulatih pasukan PMM, Ustaz Mohd Haikal 'Akashah Bin Md Nor bersama Puan Nur Atiqah Binti Roslan dari Jabatan Pengajian Am PMM, atas usaha serta keringat yang telah dicurahkan bagi memastikan pasukan PMM menyinar di pentas debat dan pidato peringkat JPPKK.



PERTANDINGAN TILAWAH AL-QURAN PERINGKAT PMM 2024

Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau telah meneruskan aktiviti tahunan mencungkil bakat dalam tilawah Al-Quran di kalangan pelajar dengan mengajurkan program Tilawah Al-Quran secara tahunan.

Pertandingan ini telah dihadiri seramai 17 orang peserta dari semua jabatan di PMM. Tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk mencungkil bakat para pelajar dalam pembacaan al-Quran secara tarannum yang betul sekaligus dapat mewakili PMM bagi program Islamik atau tilawah sekiranya ada dianjurkan oleh mana-mana politeknik atau kolej komuniti seluruh Malaysia. Progra

Tahniah diucapkan kepada seluruh jawatankuasa yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam menjayakan program ini. Teruskan kecemerlangan bagi memastikan program sebegini sentiasa menjadi agenda utama dalam melahirkan graduan TVET yang berketrampilan dari sudut sahsiah dan juga akademik pada masa hadapan.

Pemenang Qari:

1. Muhammad Al Iimraan Bin Mahfod (14DPR23F1094)
2. Muhammad Aifirullah Bin Muhammad Lotfi (14DPR24F1077)
3. Muhammad Ikmal Hanif Bin Jamaludin (14DHF23F2019)
4. Aliuddin Bin Asr (14DEV23F2026)

Pemenang Qariah:

1. Aisyah Juwairiyah Binti Bahrisha (14DGU23F1031)
2. Zaharatul Humaira Binti Yussri (14DHF23F2035)
3. Zahratul Akma Binti Mohd Rasman (14DAT23F1070)
4. Nur Hafizah Binti Abdul Aziz (14DPM23F2007)




SEAMEO TVET INTERNATIONAL STUDENT EXCHANGE FOR SHORT COURSES-THIRD BATCH 2024 (i-VESC 3.0) POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA BERSAMA POLITEKNIK NEGERI MALANG & POLITEKNIK NEGERI SRIWIJAYA

Unit Bahasa Inggeris, Jabatan Pengajian Am telah menyumbangkan tenaga sebagai ahli jawatankuasa bagi program *SEAMEO TVET International Student Exchange 2023 for Short Courses-Third Batch 2024 (i-VESC 3.0)* peringkat antarabangsa. Program yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Pengantarabangsaan, Politeknik Merlimau Melaka (PMM) ini telah buat kali ketiga merealisasikan matlamat dan sasaran PSPKK dengan mengadakan program secara berfasa iaitu Fasa 1 bermula daripada 17 hingga 20 September 2024, manakala Fasa 2 bermula daripada 1 hingga 4 Oktober 2024.

Program kali ini merupakan kerjasama di antara PMM bersama POLSRI yang mana pelajar dan pensyarah daripada kedua-dua institusi daripada Jabatan Perdagangan dan Jabatan Kejuruteraan Elektrik. Manakala kerjasama di antara PMM bersama POLINEMA melibatkan Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Jabatan Pengajian Am. Tiga orang pensyarah daripada Jabatan Pengajian Am terlibat sebagai pelaksana iaitu Pn. Ida Sariani binti Mohd Isa dan En. Suresh Kumar a/l Chellapan sebagai penceramah berkaitan topik *Effective Communication*, manakala Pn. Yeo Li Min berperanan sebagai Ahli Jawatankuasa Sijil.

Keseluruhan aktiviti yang dirancang ini adalah untuk memberi impak dan faedah kepada para pelajar seterusnya meningkatkan kecemerlangan institusi di peringkat antarabangsa. Program kolaborasi ini telah menaikkan imej Politeknik Malaysia, khususnya Politeknik Merlimau Melaka di rantau ASEAN.



INSPIRASI ILMIAH DAN KREATIF

BAHAN DIGITAL PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN (PDP) JPA

PENERBITAN EBUKU BERTAJUK “PRESENTATION GUIDE FOR BEGINNERS: PLANNING & DRAFTING YOUR ORAL PRESENTATION.”




Unit Bahasa Inggeris, Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau (PMM) terus memperkuatkukan penguasaan Bahasa Inggeris dalam penghasilan bahan digital Pembelajaran dan Pengajaran (PDP) dengan menerbitkan ebuku bertajuk “Presentation Guide for Beginners: Planning and Drafting your Oral Presentation”.

Ebuku ini dihasilkan bagi memberi panduan menyeluruh tentang kaedah terbaik penyampaian oral presentation bagi mematuhi rubrik penilaian yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) bagi subjek *Communicative English 1 (DUE10012)*. Bahan PDP ini telah melalui pelbagai tapisan dalaman pasukan e-learning PMM sebelum dianugerahkan nombor eISBN 978-629-7737-11-9

Ebuku ini telah ditulis oleh 2 orang pensyarah Bahasa Inggeris iaitu Pn. Nur Farhana binti Misno dan Pn. Rosheela binti Muhammad Thangaveloo. Ebuku ini telah dimuatnaik dalam platform *microcredential@polycc* bagi memperluaskan lagi capaian kepada para pembaca yang berminat untuk menimba ilmu tambahan berkaitan perancangan dan penulisan berimpak tinggi untuk pembentangan lisan.

Tahniah diucapkan kepada para penulis yang tidak pernah lelah dan jemu dalam berkongsi ilmu kepada para pelajar serta membantu mencapai KPI Jabatan Pengajian Am bagi elemen Pembelajaran Digital.



CRITERIA OF A GOOD ORAL PRESENTATION	1
WHAT TO DO FIRST	2
1- AUDIENCE	
2- SETTING	
3- PURPOSE	
INFORMATIVE ORAL PRESENTATION	7
SAMPLE TOPICS	
PERSUASIVE ORAL PRESENTATION	9
SAMPLE TOPICS	
DEMONSTRATIVE ORAL PRESENTATION	11
SAMPLE TOPICS	
INTRODUCTION TO DRAFTING	14
TOPIC AND EXAMPLE OF VALUES.	15
GENERAL STRUCTURE / OUTLINE.	17
STARTING YOUR PRESENTATION WITH POISE!	19
MATCHING BODY PARAGRAPHS WITH YOUR PRESENTATION.	22
GETTING AN IMPACTFUL CLOSURE!	



SCAN QR DI SINI UNTUK MEMBACA EBUKU



PENERBITAN EBUKU BERTAJUK “READING MADE EASY.”



Unit Bahasa Inggeris, Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau (PMM) terus memperkuatkukan penguasaan Bahasa Inggeris dalam penghasilan bahan digital Pembelajaran dan Pengajaran (PDP) dengan menerbitkan ebuku bertajuk *Reading Made Easy*.

Ebuku ini dihasilkan bagi memberi panduan menyeluruh untuk menguasai teknik pembacaan berkesan bagi mengoptimumkan daya ingatan serta meningkatkan mutu penghasilan tugas bagi subjek *Communicative English 1 (DUE10012)*. Bahan PDP ini telah melalui pelbagai tapisan dalaman pasukan *e-learning* PMM sebelum dianugerahkan nombor eISBN 978-629-7737-09-6

Ebuku ini telah ditulis oleh 2 orang pensyarah Bahasa Inggeris iaitu Pn. Noor Syahrina Azween binti Md Saru dan Pn. Nurul Nadiha binti Kassim.

Tahniah diucapkan kepada para penulis yang tidak pernah lelah dan jemu dalam berkongsi ilmu kepada para pelajar serta membantu mencapai KPI Jabatan Pengajian Am bagi elemen Pembelajaran Digital.





TABLE OF CONTENTS	
01	Understanding Reading Basics Importance of Reading ... 1 Effective Reading ... 2 Active & Passive Reading ... 3 Active reading Strategies ... 5 What is Passive Reading? ... 7 Drawbacks of Passive reading ... 8 Let's Practice: Active Reading Activities ... 9
02	Reading Strategies & Techniques Reading Strategies & techniques ... 11 Skimming Techniques ... 13 Scanning Techniques ... 14 Let's Practice: Skimming & Scanning ... 16 Contextual Clues ... 18 Let's Practice: Contextual Clues ... 20 Speed reading & tips ... 22 Let's Practice: Speed Reading ... 24
03	Improving Reading Comprehension Vocabulary Building ... 26 Techniques for vocabulary building ... 27 Let's practice: Vocabulary Building Exercises ... 29
04	Overcoming Reading challenges Common Reading Difficulties ... 30 Strategies for improving focus ... 31 Effective note taking techniques ... 32 Tech Enhanced reading ... 33 Cultivating the reading habit ... 34

SCAN QR DI SINI UNTUK MEMBACA EBUKU



PENERBITAN EBUKU BERTAJUK “SEJARAH PEMBENTUKAN MASYARAKAT MALAYSIA”

MERLIMAU, 15 Julai 2024 – Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau Melaka (PMM) terus memperkuatkannya bahan rujukan Pengajian Umum bagi kursus MPU23172 Nilai Masyarakat Malaysia dalam bentuk digital.

Ebuku ini memberikan pemahaman tentang sejarah masyarakat Malaysia yang kaya dengan pelbagai etnik dan budaya. Ianya merangkumi perbincangan mengenai asal usul dan evolusi masyarakat peribumi serta imigran yang telah menyumbang kepada pembentukan negara Malaysia. Dalam ebuku ini juga ada membincangkan masyarakat peribumi Sabah dan Sarawak dan sejarah kemasukan masyarakat Cina dan India ke Tanah Melayu.


Ebuku yang dihasilkan oleh Pn. Sharifah Nur ini adalah untuk memberi panduan menyeluruh kepada pelajar dan pensyarah serta memudahkan proses Pengajaran dan Pembelajaran. Ebuku ini juga dilengkapi dengan latihan pengukuhan dan maklumat tambahan dalam bentuk QR Code.

Ebuku ini telah mendapat eISBN dan Pengkatalogan PdP dengan nombor eISBN 978-967-2762-91-1 pada 15 Julai 2024.

Tahniah diucapkan kepada penulis yang tidak pernah lelah dan jemu dalam berkongsi ilmu kepada para pelajar.



SCAN QR DI SINI UNTUK MEMBACA EBUKU



KANDUNGAN

<ul style="list-style-type: none"> 1 MASYARAKAT PRIBUMI ORANG ASLI DAN MELAYU 2 SEJARAH MASYARAKAT PRIBUMI SABAH DAN SARAWAK 3 SEJARAH KEMASUKAN MASYARAKAT CINA DAN INDIA 4 KESIMPULAN 	<ul style="list-style-type: none"> Prakata Kenali Penulis Manual Pengguna Isi Kandungan 	<ul style="list-style-type: none"> iv v vi vii
<ul style="list-style-type: none"> 1 Sejarah Masyarakat Pribumi Orang Asli 1 Sejarah Masyarakat Melayu 1 Latarbelakang Penduduk di Tanah Melayu 1 Latihan Pengukuhan 	<ul style="list-style-type: none"> 2-10 11 12-14 15-16 17 	
<ul style="list-style-type: none"> 2 Masyarakat Pribumi Sabah 2 Penempatan Masyarakat Sabah 2 Masyarakat Pribumi Sarawak 2 Penempatan Masyarakat Sarawak 2 Latihan Pengukuhan 	<ul style="list-style-type: none"> 19-20 21-24 25-27 28-32 33 	
<ul style="list-style-type: none"> 3 Penghijrahan Penduduk dari Cina 3 Faktor Kemasukan ke Tanah Melayu 3 Cara Kemasukan ke Tanah Melayu 3 Penghijrahan penduduk dari India 3 Faktor Kemasukan ke Tanah Melayu 3 Cara Kemasukan ke Tanah Melayu 3 Latihan Pengukuhan 	<ul style="list-style-type: none"> 35-39 40-41 42-43 44-47 48-49 50-52 53 	
<ul style="list-style-type: none"> 4 Info Ilmiah 4 Pautan Ilmu 4 Soalan Pap Kuiz 4 Soalan Pengetahuan Am 4 Rujukan 	<ul style="list-style-type: none"> 55 56 57 58 59 	

INSPIRASI ILMIAH

**PENYELIDIKAN,
PENERBITAN DAN
PEMBENTANGAN
JPA**



PEMBENTANGAN DAN PENERBITAN KAJIAN BERTAJUK “THE ATTITUDE OF ENGLISH 3 ESL STUDENTS TOWARDS CODE-SWITCHING IN THE ENGLISH LANGUAGE CLASSROOM AT POLITEKNIK MERLIMAU, MELAKA”.

Pasukan pensyarah daripada Unit Bahasa Inggeris, Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau (PMM) telah berjaya membentangkan kertas kajian bertajuk “The Attitude of English 3 ESL Students Towards Code-Switching in the English Language Classroom at Politeknik Merlimau, Melaka”.

Kertas kajian ini telah ditulis oleh 3 orang pensyarah Bahasa Inggeris yang diketuai oleh Pn. Nur Farhana Binti Misno sebagai pembentang, bersama-sama 2 orang lagi pensyarah sebagai penulis bersama iaitu Pn. Noor Syahrina Azween binti Md. Saru dan Pn. Nurul Nadiha binti Kassim.

Kertas kajian peringkat Antarabangsa ini telah diterbitkan dalam eProsiding bagi *The 4th International Creative and Innovative Product Exhibition (ICrIPE2024)* anjuran Forum Kerjasama Pendidikan Tinggi Medan (FKPT), Persatuan Teknologi Malaysia (TAM) dan Universiti Kebangsaan Andong, Indonesia.

Tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat.



PEMBENTANGAN DAN PENERBITAN AMALAN BAIK BERTAJUK “KONSEP 4P1O: PENGARUH TERHADAP ENROLMENT PESERTA, JANAAN AKAUN AMANAH DAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN MUET”.

Pasukan pensyarah daripada Unit Bahasa Inggeris, Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau (PMM) telah berjaya membentangkan kajian amalan baik bertajuk “Konsep 4P1O: Pengaruh Terhadap Enrolmen Peserta, Janaan Akaun Amanah dan Keputusan Peperiksaan MUET”.

Kertas kajian ini telah ditulis oleh 3 orang pensyarah Bahasa Inggeris yang diketuai oleh Pn. Nur Farhana Binti Misno sebagai penulis utama, bersama-sama 2 orang lagi pensyarah sebagai penulis bersama iaitu Pn. Noor Syahrina Azween binti Md. Saru (juga sebagai pembentang) dan Pn. Norafidah binti Hj. Abdullah.

Kertas kajian peringkat Antarabangsa ini telah diterbitkan dalam eProsiding bagi Seminar Antarabangsa Amalan Terbaik Pembelajaran Sepanjang Hayat dan Pendidikan Islam Sepanjang Hayat 2024 anjuran Kolej Komuniti Chenderoh bersama Jabatan Agama Islam Negeri Perak.

Tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat.



PEMBENTANGAN DAN PENERBITAN KAJIAN BERTAJUK “STUDENTS’ PERCEPTION ON MULTILINGUALISM FOR CAREER ADVANCEMENT IN TOURISM SECTOR”.

Pasukan pensyarah daripada Unit Bahasa Inggeris, Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau (PMM) telah berjaya membentangkan kertas kajian bertajuk “Students’ Perception on Multilingualism for Career Advancement in Tourism Sector”.

Kertas kajian ini telah ditulis oleh 3 orang pensyarah Bahasa Inggeris yang diketuai oleh Pn. Nur Farhana Binti Misno sebagai pembentang dan penulis utama, bersama-sama 2 orang lagi pensyarah sebagai penulis bersama iaitu En. Bobby Chew Han Yong dan Pn. Norafidah binti Hj. Abdullah. Tujuan kertas kajian ini dibentangkan adalah bagi mengkaji persepsi pelajar-pelajar Diploma Pelancongan dan Hospitaliti tentang kepentingan multilingualism dalam 2 aspek peluang pekerjaan; pelancongan rekreasi dan pelancongan perniagaan.

Kertas kajian peringkat Antarabangsa ini telah diterbitkan dalam eProsiding bagi *1st UICEL UNPAK International Conference on English Language Education and 2nd PELTIN Conference* anjuran Universitas Pakuan, Indonesia.

Tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat.



Home / Archives / Vol. 1 No. 01 (2024): UICEL Proceeding / Articles

STUDENTS’ PERCEPTION ON MULTILINGUALISM FOR C ADVANCEMENT IN TOURISM SECTOR.

Nur Farhana Misno
Politeknik Merlimau

Bobby Chew Han Yong
Politeknik Merlimau

Norafidah Binti Hj. Abdullah

Abstract

Racial diversity is one of the important factors contributing to multilingualism in Malaysia. The uniqueness of each language carries distinctive values that should be embraced by everyone. However, language differences might contribute to language barrier and misunderstanding due to limited knowledge of the cultural background. This is one of the biggest hindrances encountered by tourists while travelling overseas for business or casual purposes. The ability to speak more than two or more languages is considered an advantage to those who work in tourism sector. The act of mastering various languages may help to reduce communication problems. This may lead to more opportunities on career advancement in tourism sector. Hence, the aim of this research is to investigate the perception of Tourism and Hospitality students at Politeknik Merlimau

Published
17-12-2024

How to Cite

Misno, N. F., Bobby
Binti Hj. Abdullah. (2024).
ON MULTILINGUALIS
IN TOURISM SECTO
<https://uicel.unpa...>

view/2

Issue

Vol. 1 No. 01 (2024)

Section

Articles

PDF

NO.	ITEMS	MEAN	STD. DEVIATION
1.	Enhance communication skills.	4.33	0.70
2.	Better job opportunities.	4.25	0.83
3.	Good relationships.	4.24	0.86
4.	The best ecotourism destination in the world.	4.19	0.78
5.	Better international work opportunities.	4.15	0.72
6.	Better cognitive abilities in tourism.	4.14	0.81
7.	Portrays civilization.	4.14	0.73
8.	Open-mindedness.	4.13	0.89
9.	Higher salary potential.	4.08	0.87
10.	Promotes nautical tourism.	4.08	0.78
11.	Preserve identity.	4.07	0.92
12.	Huge language barriers.	3.80	1.08
13.	Hinders preservation of mother tongue.	3.40	1.19

Table 4: The Impact of Multilingualism.

PEMBENTANGAN DAN PENERBITAN AMALAN BAIKBERTAJUK


“COMPUTER-ASSISTED LANGUAGE LEARNING: BEST PRACTICE IN TEACHING RESUME AND COVER LETTER VIA WEBINARS”.

Pasukan pensyarah daripada Unit Bahasa Inggeris, Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau (PMM) telah berjaya membentangkan amalan baik bertajuk “Computer-Assisted Language Learning: Best Practice in Teaching Resume and Cover Letter via Webinars”.

Kertas kajian ini telah ditulis oleh 3 orang pensyarah Bahasa Inggeris yang diketuai oleh Pn. Nur Farhana Binti Misno sebagai pembentang bersama-sama 2 orang lagi pensyarah sebagai penulis bersama iaitu Pn. Maisarah Bt Abdul Latif dan Pn. Nurul Nadiha Bt Kassim. Tujuan amalan baik ini dilaksanakan adalah untuk memberikan memanfaatkan penggunaan Computer-Assisted Language Learning dalam menambah baik pencapaian pelajar untuk penilaian Resume dan Cover Letter berdasarkan alat pengurusan Lean BOSS-CARRD.

Kertas kajian peringkat Antarabangsa ini telah diterbitkan dalam eProsiding bagi *International Conference on Applied Linguistics and Communication (ICALCom)* 2024 anjuran Politeknik Negeri Malang, Indonesia.

Tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat.





PEMBENTANGAN DAN PENERBITAN KAJIAN BERTAJUK “STUDENTS’ PERCEPTIONS TOWARDS GOOGLE SITES FOR THE DUE50032 SUBJECT”.

Pasukan pensyarah daripada Unit Bahasa Inggeris, Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau (PMM) telah berjaya membentangkan kertas kajian bertajuk “Students’ Perceptions towards Google Sites for the DUE50032 Subject”.

Kertas kajian ini telah ditulis oleh 3 orang pensyarah Bahasa Inggeris yang diketuai oleh Pn. Nor Fazila Shamsuddin sebagai pembentang bersama-sama 2 orang lagi pensyarah sebagai penulis bersama iaitu Pn. Norafidah binti Hj Abdullah dan Pn. Maisarah binti Abdul Latif. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji penerimaan pelajar-pelajar subjek DUE50032 terhadap penggunaan Google Sites sebagai salah satu alat dalam pengajaran dan pembelajaran.

Kertas kajian peringkat Antarabangsa ini telah diterbitkan dalam eProsiding bagi *International Conference on Applied Linguistics and Communication (ICALCom)* 2024 anjuran Politeknik Negeri Malang, Indonesia.

Tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat.





PEMBENTANGAN DAN PENERBITAN KAJIAN BERTAJUK “MATERIAL DEVELOPMENT FOR FLIPPED LEARNING IN COMMUNICATIVE ENGLISH CLASSROOM”.

Seorang pensyarah daripada Unit Bahasa Inggeris, Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau (PMM) telah berjaya membentangkan kertas kajian bertajuk “Material Development for Flipped Learning in Communicative English Classroom”.

Kertas kajian ini telah ditulis dan dibentangkan oleh Pn. Rosheela binti Muhammad Thangaveloo. Tujuan penghasilan kertas kajian ini adalah untuk membantu para pensyarah dalam menyesuaikan diri dengan norma baharu pasca-COVID19 dan menambah baik bahan pengajaran dan pembelajaran bagi DUE30022.

Kertas kajian peringkat Antarabangsa ini telah diterbitkan dalam eProsiding bagi *International Conference on Applied Linguistics and Communication (ICALCom) 2024* anjuran Politeknik Negeri Malang, Indonesia.

Tahniah diucapkan kepada pensyarah terlibat.




PEMBENTANGAN DAN PENERBITAN KERTAS KAJIAN BERTAJUK “PENDIDIKAN SILANG BUDAYA DALAM SISTEM PERSEKOLAHAN DI MALAYSIA”.

MERLIMAU, 15 Oktober 2024 – Seorang pensyarah daripada Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau Melaka (PMM) telah berjaya membentangkan kertas kajian bertajuk “Pendidikan Silang Budaya Dalam Sistem Persekolahan di Malaysia”.

Kertas kajian ini adalah hasil penulisan bersama oleh Pn. Sharifah Nur binti Abu dan En. Kamarul Arifin bin Mohamad Azhar (Guru SMK Tun Syed Zahiruddin) dan dibentangkan oleh Pn. Sharifah Nur binti Abu. Tujuan penghasilan kertas kajian ini adalah untuk melihat sejarah sistem pendidikan silang budaya dan sejauhmana pendidikan silang budaya ini dilaksanakan dan pelaksanaannya pada hari ini.

Kertas kajian peringkat Antarabangsa ini telah diterbitkan dalam Jurnal Penyelidikan Pendidikan dan Teknologi Malaysia (JPPTM) e-ISSN : 2976-2634 - Jilid 2 : Isu 1 (Tahun 2024).

Tahniah diucapkan kepada pensyarah terlibat.



Keperluan Pendidikan Silang Budaya Di Malaysia

- Pendidikan silang budaya perlu ditingkatkan dan diketengahkan dalam sistem pendidikan Negara kita.
- Di Malaysia, keperluan untuk pendidikan silang budaya adalah sangat penting disebabkan oleh beberapa faktor utama:

- Kepelbagaian Etnik dan Budaya
- Memupuk Toleransi dan Persahaman
- Mengukuhkan Identiti Nasional
- Menggalakkan Integrasi Sosial
- Penyediaan untuk Persekutuan Global.

Sejarah Perkembangan Sistem Pendidikan Negara (Selepas Merdeka)



14TH INTERNATIONAL CONFERENCE ON BUSINESS STUDIES AND EDUCATION 2024

PENDIDIKAN SILANG BUDAYA DALAM SISTEM PERSEKOLAHAN : PERANAN KAUNSELOR SEKOLAH

Sharifah Nur Abu , Kamarul Arifin Mohamad Azhar
Politeknik Merlimau , SMK Tun Syed Zahiruddin

Jurnal Penyelidikan Pendidikan dan Teknologi Malaysia (JPPTM)

e-ISSN: 2976-2634

Penerbit: ICBE Publication

Jilid 2 : Isu 1


PEMBENTANGAN DAN PENERBITAN KERTAS KAJIAN BERTAJUK “KEFAHAMAN DAN KEPATUHAN PELAJAR KEJURUTERAAN TERHADAP KEWAJIPAN MENUTUP AURAT”.

MERLIMAU, 15 Oktober 2024 – Seorang pensyarah daripada Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau Melaka (PMM) telah berjaya membentangkan kertas kajian bertajuk “Kefahaman dan Kepatuhan Pelajar Kejuruteraan Terhadap Kewajipan Menutup Aurat”.

Kertas kajian ini adalah hasil penulisan bersama oleh Pn. Sharifah Nur binti Abu dan En. Kamarul Arifin bin Mohamad Azhar (Guru SMK Tun Syed Zahiruddin) dan dibentangkan oleh Pn. Sharifah Nur binti Abu. Tujuan penghasilan kertas kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap kefahaman dan kepatuhan pelajar serta faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar menutup aurat dengan baik dan sempurna.

Kertas kajian peringkat Antarabangsa ini telah diterbitkan dalam Jurnal Penyelidikan Pendidikan dan Teknologi Malaysia (JPPTM) e-ISSN : 2976-2634 - Jilid 2 : Isu 1 (Tahun 2024).

Tahniah diucapkan kepada pensyarah terlibat.



ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Objektif 3: Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Kepatuhan Pelajar Menutup Aurat

Hasil analisis keseluruhan bagi item yang berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi responden untuk menutup aurat mencatat nilai min 4.12 merujuk kepada tahap tinggi.

Ini menunjukkan bahawa kesemu faktor iaitu faktor diri sendiri, rakan, ibu bapa dan persekitaran mempengaruhi pelajar PMM untuk menutup aurat.


SOROTAN LITERATUR

Dalam kehidupan sehari-hari masyarakat bangun tidur sehingga sampai masa untuk tidur semula, setiap perkara yang dilakukan mestilah mengikut peraturan yang telah ditetapkan dalam Islam.

Sejitu juga dengan menutup aurat bagi wanita Islam ada caranya yang perlu dipatuhi.

Dalam Al-Quran terdapat beberapa ayat yang memerintahkan umat Islam untuk menutup aurat antaranya :


- Hasil kajian mendapati nilai min tertinggi merujuk kepada pernyataan “ibu bapa sering mengingatkan saya untuk menutup aurat ketika keluar rumah” dengan nilai min = 4.66 dan “Guru mengingatkan saya untuk menjaga dan menutup aurat walau apa jua keadaan” dengan nilai min = 4.64.
- Diikuti dengan item 1 dan 2 mencatat nilai min yang sama iaitu 4.5 dengan pernyataan “Saya menutup aurat semata-mata untuk menzahirkan diri sebagai seorang Islam dan mentaati perintah Allah” dan “Saya merasa kurang keyakinan diri sekiranya tidak menutup aurat walaupun sedikit”.
- Faktor pertama dipengaruhi oleh ibubapa, dapatkan ini selari dengan hasil kajian **Saadiah Ibrahim (2012), Azlan Ismail (2010) & Robiatu Adawiyah Mohd et al. (2021)**, Anak-anak yang telah dilatih menutup aurat sejak kecil akan berasa malu dan janggal apabila auratnya terbukti walaupun sedikit.
- Dapatkan ini juga disokong oleh kenyataan **Nur Izzah Jainudin dan A'dawiyah Ismail (2018)** bahawa asas kefahaman dalam penerapan penjagaan aurat sangat betul amat penting dalam kehidupan dan pengetahuan ini perlu ditekankan bermula dari pendidikan awal.
- Faktor persekitaran juga memberikan pengaruh yang amat kuat dalam perkembangan akhlak dan kepatuhan pelajar dalam melaksanakan perintah Allah.



KEFAHAMAN DAN KEPATUHAN PELAJAR KEJURUTERAAN TERHADAP KEWAJIPAN MENUTUP AURAT

Sharifah Nur Abu, Kamarul Arifin Mohamad Azhar

14th International Conference on Business Studies and Education 2024



Jurnal Penyelidikan
Pendidikan dan Teknologi
Malaysia (JPPTM)

e-ISSN: 2976-2634

Penerbit: ICBE Publication

Jilid 2 : Isu 1

Ceritera 4

INSPIRASI ILMIAH DAN KREATIF
**PRODUK
INOVASI**

R.E.S.T@MELAKA

Sepasukan pensyarah daripada Unit Bahasa Inggeris, Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau (PMM) telah menyertai pertandingan inovasi bagi mengetengahkan produk inovasi mereka bertajuk R.E.S.T@Melaka.

Inovasi yang terdiri daripada 4 orang teraju utama iaitu **Pn Marina binti Abu Bakar (SV)**, **Pn Rosheela binti Muhammad Thangaveloo**, **Pn Yeo Li Min** dan **Pn Rozaina binti Abd. Latif** ini telah berjaya meraih pingat emas dalam pertandingan inovasi peringkat Antarabangsa. Tujuan utama pembinaan inovasi ini adalah untuk membantu pelancong-pelancong dalam dan luar Melaka bagi mencari lokasi-lokasi menarik untuk dilawati. Inovasi ini juga berjaya meraih perhatian MOTAC kerana nilai komersialnya yang tinggi bagi mempromosikan Melaka dalam aspek pelancongan domestik mahupun antarabangsa.

Inovasi R.E.S.T.@Melaka ini telah dipertandingkan dalam *International Creative and Innovative Product Exhibition (ICrIPE) 2024* anjuran Forum Kerjasama Pendidikan Tinggi Medan (FKPT), Persatuan Teknologi Malaysia (TAM) dan Universiti Kebangsaan Andong, Indonesia.

Tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat.

EXPERIENCE THE MAGIC WITH REST@ MELAKA

Relax || Eat || Sleep || Travel

Marina Innovator Rosheela Innovator Yeo Li Min Innovator

EXPLORE Melaka

PLAN YOUR TRIP WITH REST@ MELAKA

Explore and Adore
Discover the ultimate travel guide with our curated list of must-visit destinations! Whether you're seeking adventure, relaxation, or cultural experiences, we have something for everyone.

Foodie Heaven
Explore Melaka's vibrant local eateries! From mouthwatering Nyonya dishes and savory satay to delectable cendol and freshly caught seafood. Wander through charming streets and discover hidden gems where traditional recipes are crafted with love and fresh, local ingredients.

Immerse in Culture
Experience the vibrant and diverse culture of Melaka, where history and tradition come alive! Wander through historic streets lined with colorful shophouses, visit centuries-old temples and mosques, and savor the unique fusion of Malay, Chinese, Indian, and European cuisines with R.E.S.T@ Melaka.

SCAN ME

MELAKA TENGAH

Melaka Tengah District (Central Melaka) is one of the three administrative districts in Melaka, Malaysia. It borders Alor Gajah District to the north and Jasin District to the east. The capital of the state, Melaka City, is located in this district. This district is the major destination of tourists in Melaka as most historical spots are situated within it.

Melaka Tengah is administered by two local authorities, which are Historical Melaka City Council (Malay: Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, MBMB) and Hang Tuah Jaya Municipal Council (Malay: Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, MPHTJ). The main economy sector of the district is industry, in which Melaka Tengah has ten industrial areas with a total area of 1,309 hectares. The second most important economy sector for the district is agriculture.

Melaka Specialty

Asam Pedas | Ikan Bakar | Rata Nyonya Delights | Dessert & Cakes

Dine Like the Locals

REST@ MELAKA

Relax || Eat || Sleep || Travel

Discover the Magic of Melaka

Explore our website

INOVASI GAMEDDICTION BOARDGAME

Unit Bahasa, Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau (PMM) terus memperkuuhkan penguasaan Bahasa Inggeris dengan menganjurkan program “GAMEDDICTION DAY” yang merupakan satu platform di mana para peserta meningkatkan kemahiran berbahasa Inggeris mereka melalui penggunaan permainan papan pemuka inovasi GAMEDDICTION yang telah dicipta khusus dengan pendekatan interaktif dan menyeronokkan, ia menjadi alat pembelajaran yang unik, sesuai untuk pelajar dari pelbagai peringkat umur.



Program ini telah dihadiri oleh seramai 130 orang peserta terdiri daripada pelajar semester 1. Bermain sambil belajar adalah idea utama permainan papan pemuka inovasi GAMEDDICTION. Para pelajar boleh berseronok bermain permainan ini tetapi pada masa yang sama, mereka masih boleh belajar dan menguasai bahasa tersebut. Pendekatan seperti ini lebih mudah dan kurang memberi tekanan kepada pelajar. Elemen Bahasa Inggeris seperti *speaking*, *listening*, *pronunciation*, *tenses*, dan *vocabulary* diterapkan dalam permainan papan pemuka inovasi GAMEDDICTION. Ia juga memupuk kaedah pembelajaran berpusatkan pelajar di mana pelajar belajar sendiri sambil bermain permainan papan pemuka inovasi GAMEDDICTION.

Secara keseluruhan, para peserta yang terlibat menzahirkan respons positif dengan permainan papan pemuka GAMEDDICTION tersebut. Didapati, majoriti peserta memberi tindakbalas positif di mana mereka menyatakan bahawa permainan papan pemuka inovasi GAMEDDICTION merupakan satu cara yang menyeronokkan mereka untuk berlatih Bahasa Inggeris. Tahniah diucapkan kepada *innovator* yang telah bertungkus-lumus mengerah idea dalam penghasilan inovasi GAMEDDICTION yang memberi impak positif dalam meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris para pelajar.

SOLAT SMART BOARD (SSB)

Dua orang pensyarah daripada Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau (PMM) telah berjaya membentangkan produk inovasi mereka bertajuk *Solat Smart Board (SSB)* dalam Konvensyen KIK Horizon Baharu, bertempat di bilik TECC UDIM, PMM.

Konvensyen yang telah dihadiri oleh lebih daripada 29 orang staf PMM ini mengetengahkan pelbagai produk inovasi mengikut jabatan masing-masing. Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK) JPA PMM pula telah menampilkan produk inovasi bagi menambah baik mutu solat serta meningkatkan pemahaman para pelajar yang mengambil subjek Pengajian Islam (MPU23012).

Di samping itu, analisis kajian yang digunakan adalah berkonsepkan *5why* dan S.C.A.M.P.E.R. bagi menjelaskan punca serta penyelesaian masalah kajian dengan lebih sistematis.

Inovasi ini dibangunkan oleh 4 orang pensyarah Jabatan Pengajian Am iaitu Ustaz Mohd. Haikal 'Akashah bin Md Nor, Ustaz Mohd Lokman bin Ahmad, Pn. Nur Farhana binti Misno dan Pn. Norafidah binti Hj. Abdullah.

Selain daripada pembentangan, inovasi ini juga telah berjaya diterbitkan dalam ebuku Kompilasi Amalan Terbaik Inovasi Jabatan edisi 2024.

Tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat.



SCAN QR DI SINI UNTUK MEMBACA EBUKU



INE3PRO INNOVATION FRAMEWORK

Unit Bahasa Inggeris, Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau (PMM) terus mengorak langkah dalam penciptaan dan inovasi apabila berjaya mencipta suatu rangka kerja (*framework*) *ine3PRO* bagi meningkatkan mutu persembahan para pelajar dalam penilaian *Product Pitching*.

ine3PRO adalah konsep inovasi garapan 3 topik utama subjek *Communicative English* 2 (*DUE30022*) iaitu:

in : *introduction; instructions*

e : *enquiries*

3PRO : *Products, Processes & Procedures.*

Konsep ini juga bertepatan dengan formula *Business Model Canvas (BMC)* yang sering digunakan bagi pelajar-pelajar yang terpilih dalam projek inkubator keusahawanan institusi. Formula utama *BMC* ini diringkaskan dalam bentuk *ine3PRO* bagi memberikan penekanan khusus kepada teknik dan kemahiran pengucapan pujukan (*persuasive speech*) dalam mepengaruhi dan menarik minat klien untuk mengetahui produk jualan dengan lebih lanjut dan menjualnya secara dalam talian.

Inovasi ini telah didaftarkan di bawah hakcipta MyIPO bernombor CRLY2024M06128 pada September yang lalu oleh 3 orang pembangun utamanya iaitu Pn. Nur Farhana binti Misno, Pn. Noor Syahrina Azween binti Md Saru dan Pn. Nurul Nadiha binti Kassim.

Tahniah diucapkan kepada *innovator* terlibat.




Mdm. Farhana



Mdm. Nadiha



Teacher Aween



E-KIT I-STUDIES BOARDGAME


MERLIMAU, 31 Oktober 2024 – Seorang pensyarah daripada Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau Melaka (PMM) telah menyertai pertandingan inovasi bagi kategori *Gamification in Teaching and Learning*.

Inovasi yang telah dibangunkan bersama oleh Pn. Sharifah Nur binti Abu dan En. Kamarul Arifin bin Mohamad Azhar (Guru SMK Tun Syed Zahiruddin) ini telah berjaya meraih pingat Perak dalam pertandingan inovasi peringkat Antarabangsa.

Tujuan utama pembinaan inovasi ini adalah untuk menggalakkan penglibatan pelajar di dalam kelas serta mengoptimumkan penggunaan media digital dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran abad ini.

Inovasi eKit i-Studies Boardgame ini telah dipertandingkan dalam International Education Design, Games, Invention & Innovation (iEDGII) 2024 anjuran UiTM Johor.

Tahniah diucapkan kepada pensyarah yang terlibat.



PENGGUNAAN APLIKASI NEARPOD DALAM PDP PENGAJIAN UMUM

MERLIMAU, 31 Oktober 2024 – Seorang pensyarah daripada Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau Melaka (PMM) telah menyertai pertandingan inovasi bagi kategori *Utilizing Online Platforms in Teaching and Learning.*

Inovasi yang telah dibangunkan bersama oleh Pn. Sharifah Nur binti Abu dan En. Kamarul Arifin bin Mohamad Azhar (Guru SMK Tun Syed Zahiruddin) ini telah berjaya meraih pingat Perak dalam pertandingan inovasi peringkat Antarabangsa.

Tujuan utama pembinaan inovasi ini adalah untuk memudahkan pelajar membuat capaian diluar PdP dan menggalakkan pelajar untuk menyelesaikan tugas yang diberi serta mengoptimumkan penggunaan media digital dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran abad ini.

Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran ini telah dipertandingkan dalam International Education Design, Games, Invention & Innovation (iEDGII) 2024 anjuran UiTM Johor.

Tahniah diucapkan kepada pensyarah yang terlibat.

The screenshot shows a Nearpod slide with the title "PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN". It features a timeline from 1957 to 2004, highlighting key events such as the formation of the Ministry of Education, the establishment of the National Curriculum Board, and the introduction of the National Curriculum. The slide includes a "Visual" button at the bottom.

Fitur yang terdapat dalam Nearpod juga boleh berkolaborasi dengan aplikasi yang lain seperti aplikasi Flipgrid.

PENGGUNAAN APLIKASI NEARPOD DALAM PDP PENGAJIAN UMUM

Sharifah Nur Abu
Kamarul Arifin Mohamad Azhar

REKABENTUK

Inovasi yang dibangunkan ini berdasarkan model rekabentuk pengajaran ADDIE yang mempunyai lima fasa iaitu:

- fasa analisis,
- fasa rekabentuk,
- fasa pembangunan, fasa pelaksanaan dan
- fasa penilaian.

DATA SOKONGAN

Berdasarkan datapan daripada soalan soal selidik, majoriti pelajar memberi respon yang baik terhadap penggunaan aplikasi nearpod dalam PdP.



has been awarded
SILVER
for the project entitled

PENGGUNAAN APLIKASI NEARPOD DALAM PDP
KURSUS PENGAJIAN UMUM POLITEKNIK

in
iEDGII
INTERNATIONAL EDUCATIONAL DESIGN,
GAMES, INVENTION & INNOVATION 2024
held on
7 November 2024

PROF. TS. DR. NORAZAH ABD RAHMAN
Deputy Vice-Chancellor
(Research and Innovation)
Universiti Teknologi MARA

PENGAPLIKASIAN LAMAN WEB IHOT- ISLAMIC HOTEL TRANSFORMATIONS



Pasukan pensyarah daripada Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau (PMM) telah berjaya meraih pingat Emas peringkat Kebangsaan buat kali ke 2 bagi inovasi mereka bertajuk *IHot- ISLAMIC HOTEL TRANSFORMATIONS*.

Laman Web ini dibangunkan oleh 3 orang pensyarah hasil kolaborasi daripada Politeknik Merlimau Melaka, Politeknik Ibrahim Sultan dan Universiti Multimedia yang diketuai oleh Puan Hajjah Munirah Binti Haji Mustaffa, bersama-sama 2 orang lagi pensyarah iaitu Puan Hajjah Naimah Binti Ghazali dan Puan Asma' Binti Shamsuddin.

Inovasi ini melibatkan peringkat Kebangsaan di bawah anjuran Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat.

INSPIRASI ILMIAH DAN KREATIF

**PROGRAM
PEMBELAJARAN
SEPANJANG HAYAT
(PSH) JPA**

MUET @ PMM: MELANGKAH KE ARAH KECEMERLANGAN BAHASA INGGERIS

Unit Bahasa Inggeris, Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau (PMM) telah menganjurkan kursus PSH Score Your MUET yang melibatkan 499 orang pelajar dalam dua program yang diadakan secara berasingan sepanjang 2024.

Kursus MUET diadakan bagi membantu meningkatkan kemahiran bahasa Inggeris para pelajar sebagai persediaan menghadapi peperiksaan MUET dan membimbing mereka dalam mencapai band yang lebih tinggi, seterusnya meningkatkan kebolehpasaran mereka di peringkat universiti dan industri selaras dengan fokus utama PolyCC, iaitu memperkasa kebolehpasaran graduan (employability) melalui kemahiran komunikasi yang kompeten. Selain itu, kursus ini juga diadakan sebagai sebahagian daripada usaha menyokong *Polytechnic Education Transformation Plan* dan *Blueprint Pendidikan Tinggi Malaysia (PPPM) 2015-2025*.

Seramai 10 orang pensyarah Bahasa Inggeris terlibat dalam merealisasikan MUET di PMM, termasuk empat daripadanya adalah penyelaras PSH JPA dan pengendali MUET di jabatan iaitu Pn. Noor Syahrina Azween binti Md Saru dan Pn. Rozaina binti Abd. Latif sebagai penyelaras PSH JPA pada 2 penggal berbeza, dibantu oleh 2 orang penyelaras MUET iaitu En. Bobby Chew Han Yong dan Pn. Ida Sariani binti Mohd. Isa. 6 orang pensyarah lain iaitu Pn. Rosheela binti Muhammad Thangaveloo, Pn. Nor Fazila binti Shamsuddin, En. Suresh Kumar A/L Chellapan, Pn. Nur Atiqah binti Roslan, En. Putra Shazly bin Rosman dan En. Bobby Chew Han Yong adalah pensyarah yang terlibat mengajar kelas MUET sebelum peperiksaan sebenar berlangsung. Tahniah dan syabas atas dedikasi mereka semua yang terlibat, pencapaian MUET dalam PMM adalah antara yang terbaik di kalangan PolyCC seluruh Malaysia.



MUET @ PMM: MELANGKAH KE ARAH KECEMERLANGAN BAHASA INGGERIS

..... SAMBUNGAN DARI MUKASURAT 35

HASIL DAN IMPAK MUET PMM:

1. Peningkatan Kompetensi Bahasa Inggeris: Berdasarkan maklum balas peserta, 85% menyatakan peningkatan kefahaman terhadap format dan keperluan peperiksaan MUET.
2. Kesediaan Graduan: Kursus ini membina keyakinan pelajar untuk menghadapi cabaran akademik dan profesional, seiring dengan fokus PolyCC dalam melahirkan graduan berdaya saing.
3. Sokongan kepada PPPM: Program ini selaras dengan hasrat PPPM untuk memastikan pelajar pendidikan tinggi memiliki tahap kemahiran bahasa yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Apa yang lebih membanggakan, janaan PSH Akaun Amanah bagi MUET PMM pada tahun 2024 sahaja telah mencecah sebanyak RM20,750.00 iaitu janaan MUET tertinggi dalam PolyCC seluruh Malaysia. Tahniah diucapkan. Di samping itu, salah seorang penyelaras MUET PMM iaitu Pn. Noor Syahrina Azween binti Md Saru telah mengambil langkah proaktif dengan membentangkan hasil kajian berkaitan tahap pencapaian MUET PMM dalam pembentangan bertajuk "Konsep 4P1O: Pengaruh Terhadap Enrolmen Peserta, Janaan Akaun Amanah dan Keputusan Peperiksaan MUET" dalam peringkat Antarabangsa (Rujuk halaman bagi KPI 16). Ini menunjukkan pengurusan MUET PMM yang mantap menambahkan kepercayaan para pelajar untuk terus menyertai MUET di bawah kendalian Unit Bahasa Inggeris di PMM dan terus melakar kejayaan dalam pencapaian MUET keseluruhannya.

Sesungguhnya, kursus MUET ini mencerminkan komitmen Unit Bahasa Inggeris, Jabatan Pengajian Am dan PSH PMM untuk memperkuuh kualiti pendidikan dan kemahiran pelajar, selaras dengan keperluan *Blueprint* Pendidikan Tinggi dan transformasi pendidikan Politeknik. Kursus ini akan diteruskan secara berkala untuk melahirkan generasi graduan yang kompeten dan berkeyakinan tinggi serta memperluaskan lagi peluang mereka untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.



KURSUS SCORE YOUR HIFZ SKILL 2024

Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau (PMM) terus memperkuatkkan penguasaan hafazan surah-surah al Quran dalam elemen Kemahiran Interpersonal dan Pembelajaran Sepanjang Hayat dengan menganjurkan Kursus Score Your Hifz 2024 secara bersemuka di Bilik TEC Jabatan Pengajian Am PMM.

Tujuan Penganjuran Kursus:

- i. Membudayakan bacaan ayat al Quran dan menghafaznya sebagai persediaan menjadi imam di Politeknik Merlimau atau komuniti luar.
- ii. Melatih pelajar berkomunikasi dengan lebih mantap dan berkesan melalui aktiviti bacaan ayat al Quran dan menghafaznya.
- iii. Membantu pelajar mendapatkan bimbingan penceramah yang berkelayakan untuk
- iv. Memantapkan pengetahuan serta menguasai bacaan dan hafazan ayat al Quran dengan baik.

Kursus ini telah dihadiri seramai 33 orang pelajar DHM1A Politeknik Merlimau Kursus Score Your Hifz Skill 2024 dilaksanakan bagi memberi pendedahan dan latihan yang mencukupi bagi pelajar-pelajar Muslim mendalami kaedah bacaan dan hafazan surah-surah pendek bagi amalan kehidupan seharian mereka sebagai seorang Muslim. Kursus ini dilaksanakan secara bersemuka agar pelajar lebih fokus dan mudah untuk berinteraksi bersama pengajar. Peserta juga akan mendapat peluang untuk menjalani aktiviti dan latihan secara praktikal terutamanya dalam komponen bacaan dan hafazan surah-surah pendek dalam al Quran. Perkongsian ilmu ini telah disampaikan oleh Ustazah Suriati binti Barning selaku penceramah kursus. Dalam kursus tersebut Amir Asyraaf bin Khairul Nizar telah dinobatkan sebagai johan hafazan, Nadiah Hanis binti Azhar tempat kedua dan Nur Alya Syazana bt Md Saffairizal tempat ketiga.

Tahniah diucapkan kepada seluruh ahli jawatankuasa atas pengajuran program yang penuh manfaat ini. Teruskan kecemerlangan untuk memastikan program sebegini sentiasa menjadi agenda utama dalam menambah baik penguasaan hafazan surah-surah Al Quran terpilih dikalangan bakal graduan TVET politeknik masa hadapan.



INSPIRASI ILMIAH DAN KREATIF


**PROGRAM JPA
BERSAMA AGENSI/
MASYARAKAT/
UMUM**

ENGLISH FUN CAMP, UNIT BAHASA INGGERIS, PMM

Unit Bahasa Inggeris di Jabatan Pengajian Am, Politeknik Merlimau memperluaskan lagi jaringan aktiviti dengan sekolah berhampiran dalam program *English Fun Camp* yang berlangsung di Sekolah Kebangsaan Serkam. Objektif utama aktiviti diadakan adalah bagi menggalakkan penggunaan Bahasa Inggeris secara santai tetapi padat dengan pengisian ilmiah.

Aktiviti yang melibatkan gabungan kemahiran berfikir dan psikomotor ini telah berjaya menarik minat seramai 36 orang murid sekolah untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti ‘Ice-breaking’ serta Latihan Dalam Kumpulan (LDK). Seramai 7 orang pensyarah Bahasa Inggeris PMM, dan 4 orang guru-guru Sekolah Kebangsaan Serkam telah terlibat sebagai Ahli jawatankuasa program. Tahniah diucapkan kepada seluruh ahli jawatankuasa yang terlibat.

Ketua Panitia Bahasa Inggeris Sekolah Kebangsaan Serkam, Puan Norshima binti Md Taib berkata aktiviti ini sangat memberi manfaat kepada para pelajar dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada ibu bapa serta pihak PIBG sekolah walaupun pelaksanaan aktiviti berlangsung pada hujung minggu. Diharapkan agar jalinan kerjasama antara Politeknik Merlimau dan Sekolah Kebangsaan Serkam berterusan dalam pelbagai bentuk aktiviti lain pada masa akan datang.



PROGRAM WE CARE, WE WORK TOGETHER, UNIT PENDIDIKAN ISLAM, PMM

MERLIMAU, 06 Mei 2024 – Pelajar-pelajar Diploma Pengurusan Hotel (DHM1A) daripada Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti, Politeknik Merlimau Melaka terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan Polytechnic Social Responsibility (PSR) melalui Kursus MPU21072 Etika dan Peradaban dalam program We Care, We Work Together di Masjid Asy-Syujaah, Merlimau.

Program ini diadakan bagi menyemai sikap positif dalam mendepani isu dan cabaran kontemporari melalui perspektif Etika dan Peradaban di samping mengeratkan ukhwah antara ahli masjid, pelajar-pelajar dan staff Politeknik Merlimau. Seramai 50 orang pelajar dan pensyarah dari Jabatan Pengajian Am juga turut serta dalam program *PSR* ini. Majlis telah dirasmikan oleh Ketua Jabatan Pengajian Am, Tn. Hj. Mohamad Faisal bin Ahmad bersama Pengurus Masjid Asy-Syujaah, En. Norhafiz Bin Haron.

Pengarah Program, Muhammad Rafiuddin Bin Mohd. Razairuddin, pelajar DHM1A berkata "Tanggungjawab kami dalam memberikan khidmat kepada masyarakat merangkumi pelbagai aspek termasuklah dalam pembinaan akhlak dan sahsiah. Semoga aktiviti ini dapat diteruskan bagi kesinambungan hubungan baik antara seluruh warga Politeknik Merlimau dan komuniti sejagat."



PROGRAM JALINAN KASIH MUDA PRIHATIN, UNIT PENDIDIKAN ISLAM, PMM

MERLIMAU, 06 November 2024 – Pelajar-pelajar Diploma Kulinari (DCC1A) daripada Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti dan pelajar-pelajar Diploma Kejuruteraan Awam (DKA1A) daripada Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Merlimau Melaka terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan Polytechnic Social Responsibility (PSR) melalui Kursus MPU21072 Etika dan Peradaban dalam program Jalinan Kasih Muda Prihatin di Masjid Asy-Syujaah, Merlimau.

Program ini diadakan bagi bertujuan memupuk nilai-nilai kemanusiaan dan membentuk golongan yang berbakti kepada masyarakat setempat. Selain itu, ia juga dapat menggalakkan dan menyemai minat kesukarelawanan terhadap pelajar-pelajar yang terlibat. Seramai 74 orang pelajar dan 2 orang pensyarah dari Jabatan Pengajian Am juga turut serta dalam program *PSR* ini. Majlis telah dimulakan dengan pemberian taklimat daripada Pengurus Masjid Asy-Syujaah, En. Norhafiz Bin Haron.

Peserta program memberi maklumbalas yang baik terhadap pelaksanaan program ini dan berharap program ini boleh diteruskan bagi melengkapkan lagi kefahaman dan minat pelajar terhadap aktiviti kesukarelawanan bersama komuniti setempat.



INSPIRASI ILMIAH DAN KREATIF

PROGRAM DALAMAN PENSYARAH DAN STAF JPA

BENGKEL “CONTENT CREATOR CRASH COURSE (USING POWERPOINT & CANVA TO CREATE VIDEO)”

Jawatankuasa Pembelajaran Digital Politeknik Merlimau telah melaksanakan bengkel *Content Creator Crash Course* yang memfokuskan pada penghasilan bahan PdP yang boleh digunakan dalam kelas bersemuka dan atas talian. Bengkel ini telah dihadiri oleh 21 orang pensyarah Jabatan Pengajian Am untuk membantu para pensyarah untuk menghasilkan bahan PdP yang lebih interaktif, kreatif dan berinovasi agar mereka dapat bersedia untuk menjalani PdP bagi Sesi II: 2023/2024.




Antara kandungan kursus termasuklah teknik-teknik asas penghasilan video dan bahan PdP lain yang bersesuaian menggunakan Canva yang boleh digunakan oleh pensyarah dalam penyampaian PdPdT. Para pensyarah telah didedahkan dengan asas dan teknik yang sesuai untuk menghasilkan alat bantu mengajar yang bersesuaian dengan keperluan kursus, selain membantu pensyarah untuk menaiktaraf bahan PdP sedia ada supaya lebih bersesuaian dengan kehendak dan keperluan pelajar.



Secara keseluruhannya, peserta memberikan maklum balas yang positif. Rata-rata peserta memberi respon yang baik semasa bengkel dan memberikan komen baik terhadap program.

Tahniah diucapkan kepada pasukan Pembelajaran Digital JPA atas keterlibatan dalam program yang penuh manfaat ini.





KURSUS “GET TENSED WITH TENSES”

Unit Bahasa Inggeris, Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau (PMM) telah menganjurkan sebuah kursus dalaman *Get Tensed with Tenses* demi menambah baik mutu penggunaan Bahasa Inggeris di kalangan staf PMM.

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan semula serta memantapkan pensyarah dengan asas penggunaan tatabahasa dalam Bahasa Inggeris iaitu berkaitan elemen *verb*. Pensyarah akan mengingat semula ilmu dan maklumat berkaitan *verb* serta akan dimantapkan melalui pelbagai penerangan dan aktiviti yang dirancang dalam bentuk yang mudah difahami serta mesra-peserta.

Kursus yang telah dihadiri oleh 23 orang peserta ini bukan sahaja mendapat sambutan yang baik di kalangan pensyarah-pensyarah Bahasa Inggeris dan Pendidikan Islam. Bahkan, ia juga mendapat sambutan baik di kalangan staf sokongan ICT dan juga Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA) PMM.

Tahniah diucapkan kepada seluruh ahli jawatankuasa dan para peserta atas keterlibatan dalam program yang penuh manfaat ini.



KURSUS



“TVET EMPOWER YOUR VOICE: CONFIDENT ENGLISH COMMUNICATION FOR EDUCATORS FOR NATIONAL TRAINING WEEK 2024”

National Training Week 2024 (NTW 2024) merupakan inisiatif tahunan yang dianjurkan oleh *HRD Corp* di bawah naungan Kementerian Sumber Manusia (KSM) bagi memperkasa kemahiran tenaga kerja Malaysia melalui pelbagai program latihan di pelbagai sektor. Selaras dengan objektif ini, Unit Bahasa Inggeris, Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau (PMM) telah menganjurkan program *TVET Empower Your Voice: Confident English Communication for Educators* secara dalam talian.

Kursus bertaraf kebangsaan ini bertujuan untuk meningkatkan keyakinan tenaga pengajar dalam komunikasi Bahasa Inggeris, sekaligus memperkuuhkan kemahiran mereka dalam pengajaran, kolaborasi antarabangsa, serta pembangunan profesional. Inisiatif ini amat penting dalam memastikan para pendidik TVET mampu berkomunikasi dengan lebih efektif dalam persekitaran pendidikan global.

Webinar ini telah dihadiri oleh 30 orang peserta yang terdiri daripada pensyarah dan tenaga pengajar dari pelbagai institusi Pendidikan serta peserta daripada sektor swasta. Sesi ini telah disampaikan oleh Pn. Ida Sariani Binti Mohd Isa, pensyarah Bahasa Inggeris PMM, dengan bimbingan fasilitator program, Pn. Shahrizah Bt Husin.

Tahniah diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini. Semoga usaha sebegini terus menjadi agenda utama dalam memperkuuhkan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan tenaga pengajar TVET demi melahirkan graduan yang lebih kompeten dan bersedia menghadapi cabaran dunia pekerjaan.



SUMBER INSPIRASI

**PENERIMA ANUGERAH
PERKHIDMATAN
CEMERLANG (APC)
2024 JPA PMM**

TAHNIAH!
PENERIMA-PENERIMA APC JPA PMM
TAHUN 2023



MOHAMAD LOKMAN BIN AHMAD
UNIT PENDIDIKAN ISLAM

FARAHANIZA BINTI JAAFAR
★ UNIT PENDIDIKAN ISLAM



Ceritera 9

INSPIRASI KREATIF

CORETAN KREATIF STAF JPA



TRANSFORMASI AKADEMIA DENGAN KECERDASAN BUATAN AI: MASYARAKAT MADANI BERINOVASI

Buah delima, buah rambutan,
Makan bersama sarapan pagi,
Transformasi Akademia, Kecerdasan Buatan,
Penyatu masyarakat madani berinovasi.

Zaman berlalu beribu dasawarsa,
Pemikiran bercambah kritis dan kreatif,
Akademia dan AI berpisah tiada,
Simbiosis pendidikan, teknologi inklusif.

Kemajuan pencetus negara mampan,
Kaya rencah dan sosiobudaya,
AI pelengkap ekosistem pembelajaran,
Para akademia itulah pemacunya.

Ilmu datang dengan pendidikan,
Seiring kemahiran dan tatasusila,
Manfaat AI merentas sempadan,
Perlu kawalan elak salah guna.

Negara membangun pantas berkembang,
Jurang pendidikan wajar diminimumkan,
Teknologi dan etika perlu seimbang,
Ilmuwan manusiawi, terdidik ‘nak watan.

SELOKA PANTUN JPA

..... SAMBUNGAN CERITA DI MUKASURAT 51

Pergi ke pasar di pekan,
 Beli ikan bilis dan bawang,
 Hidup ini perlu pendidikan,
 Bagi senang semua orang.

Mohon pinjaman merata-rata,
 Kenalah dulu isi borang,
 Janganlah kita suka mengata,
 Kisah buruk dan aib orang,

Orang tak suka tak apa,
 Kita buat jalan sendiri,
 Pergilah pada yang suka,
 Agar tidak merana diri.

Pagi-pagi pergi mengajar,
 Jadi pensyarah di politeknik,
 Banyak ilmu perlu belajar,
 Inilah dia jiwa pendidik.

Pinggiran kolam banyak itik,
 Ayam di reban terlepas sudah,
 Susah senang jadi pendidik,
 Nampak senang rupanya susah.

Hati hati panjat pokok,
 Takut terjatuh patah tulang,
 Ilmu berguna ibarat pokok,
 Hasilkan buah dibawa pulang.

UPI dan UBI bagaikan adik beradik,
 Di bawah satu jabatan,
 Bersama kita menjadi pendidik,
 Kerana itu saham keberkatan.

Lutut sakit banyak jalan,
 Banyak jalan ke sana sini,
 Banyak ilmu yang diberikan,
 Moga manfaat kita perolehi.

Satu langkah satu tujuan,
 semua orang nak berjaya,
 Malaysia Madani menanti di depan,
 Banyak cabaran merentas daya.

Menongkah arus menjelak rimba,
 Dalam hutan pasang khemah,
 Sudah dinasihat tidak berjaya,
 Itu semua ada hikmah.

Petang petang pergi tasik,
 Tasik PMM tersergam indah,
 Janganlah terus pergi mengusik,
 Kalau orang dah tak endah.

Toleh kanan toleh kiri,
 Semua sibuk dengan kerja,
 Apa juia yang kita cari,
 Moga semuanya dapat pahala.

..... SAMBUNGAN DARI MUKASURAT 50

Pergi mengajar bawa kereta,
Bawa kereta Ativa namanya,
Manfaatkan waktu kerja kita,
Dengan usaha sampai berjaya.

Dapat anugerah gembira rasanya,
Lama ditunggu baru terlaksana,
Cepat atau lambat janganlah kecewa,
Ikhlas itu tunjang utama.

Kalau tak dibalas senyum,
Janganlah terlalu kecewa,
Ajak-ajaklah pergi minum,
Boleh senyum sampai ke telinga.

Bawah meja ada ruang,
Tapi ruang penuh wayar,
Jangan banyak sangat hutang,
Sampai tak boleh nak bayar.

Main congkak dalam rumah,
Dalam rumah ada pelita,
Ada masalah minta dipermudah,
Kita bahagia cara kita.

JABATAN PENGAJIAN AM

CERITERA INSPENA



PENULISAN ILMIAH DAN KARYA KREATIF

TERIMA KASIH

e ISBN 978-629-7737-19-5



EDISI 2024